

Ramadan bulan yang ditunggu-tunggu



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaiton mohamad@yahoo.com

48 08-08-2010 B3

MANUSIA adalah hamba Allah yang paling sempurna dan sebaik-baik makhluk kejadian yang telah diciptakan. Kehidupan manusia akan menjadi tenang dan bahagia apabila individu itu mengenal Penciptanya serta dapat menyempurnakan diri dengan tuntutan-tuntutan yang *diwajibkan ke atas dirinya*. Mereka inginkan kesenangan dan keselesaan dengan pelbagai kemudahan yang dapat dinikmati di alam kehidupan ini. Namun begitu tidak semua orang berkeupayaan untuk mencapai apa yang dicita-citakan dan yang diharapkan oleh mereka.

Bagi manusia yang dapat meredhai apa yang telah dapat dimilikinya, maka selamatlah ianya dari sebarang konflik yang timbul dari dalam dirinya. Menurut Rogers (1951), manusia adalah berkeupayaan untuk menjadi positif dan baik. Ia akan cenderung kepada penyempurnaan diri yang dianggap tujuan utama bagi semua individu. Namun adakah semua manusia mampu melihat keupayaan yang ada dalam diri mereka sendiri.

Jadi sempena Ramadan yang mulia ini, marilah kita sama-sama menghayati erti berpuasa dan fadilat-fadilatnya, walaupun bukan beragama Islam namun suasana Ramadan turut dirasakan apatah lagi dengan adanya pasar-pasar Ramadan segenap pelusuk, pelbagai kuih muih dijual dan sebagainya. Aura Ramadan turut dirasakan oleh segenap lapisan masyarakat. Apatah lagi masyarakat di Sabah ini yang kuat dengan kebudayaan dan kemasyarakatan serta perpaduan menjadi tunggak kepada kehidupan seharian. Jadi tidak hairanlah sepanjang Ramadan ini ada yang membawa makanan silih berganti untuk majlis berbuka puasa dimasjid-masjid di kampung-kampung yang lebih dikenali dengan majlis Bersungkaik. Malahan pula pelbagai aktiviti berbentuk keagamaan seperti majlis tadarus al-Quran, ceramah kesihatan dan kelebihan berpuasa, majlis khatam al-Quran, Ihya' Ramadan dan sebagainya.

Di samping itu juga bagi golongan yang berkemampuan pula akan menghulurkan sumbangan dalam bentuk barangan makanan, kewangan, pakaian dan sebagainya. Dengan cara tersebut akan dapat menjalinkan ikatan ukhuwah dan saling menghormati antara satu sama lain. Apatah lagi kehidupan pada zaman moden ini yang mementingkan dunia kerjaya menyebabkan semangat kejiran semakin luntur. Malah sifat saling berlumba dalam mengejar keduniaan telah menyuramkan realiti mahabbah kemasyarakatan. Justeru itu, tidak hairan sekiranya kekurangan jiran tetangga dijadikan gosip untuk merendah-rendahkan martabat di mata jiran yang lain. Keadaan tersebut boleh menghancurkan sifat keimanan yang memang tenggelam di dasar sanubari setiap pelakunya. Ini disebabkan dalam diri setiap insan telah dianugerahkan cahaya keimanan dan kepercayaan kepada Penciptanya.

Lantaran itu kita dituntut untuk selalu beristighfar menandakan kita insaf bahawa tidak ada yang lebih mengetahui melainkan Allah. Semua kelebihan yang ada pada setiap manusia hanyalah dipinjamkan sahaja dan Allah berhak untuk mengambilnya semula.

*Penulis adalah Pegawai Psikologi HEP UMS